



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA OGOS 2025

Indeks Harga Pengeluar Malaysia mencatatkan penurunan 2.8 peratus pada Ogos 2025

PUTRAJAYA, 29 September 2025 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga di peringkat pengeluar, mencatatkan penurunan 2.8 peratus pada Ogos 2025, selepas penurunan 3.8 peratus pada bulan sebelumnya. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaharu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, OGOS 2025** diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan, "Sama seperti bulan sebelumnya, penurunan pada Ogos 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor Pembuatan dan Perlombongan. Sektor Pembuatan mencatatkan penurunan 4.0 peratus, sama seperti Julai 2025, dipengaruhi oleh indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-14.9%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-7.7%). Pada masa yang sama, sektor Perlombongan menurun 3.4 peratus (Julai 2025: -8.7%), didorong oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-5.1%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 7.3 peratus (Julai 2025: 1.1%), disumbangkan oleh indeks Penanaman tanaman kekal (11.6%). Bagi sektor utiliti, kedua-dua sektor Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing meningkat sebanyak 4.1 peratus dan 3.4 peratus."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan lagi, "Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat marginal 0.1 peratus pada Ogos 2025, selepas peningkatan 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Pertanian, perhutanan &

perikanan meningkat 3.3 peratus (Julai 2025: 2.5%), disokong oleh indeks Penanaman tanaman kekal (5.1%). Sektor utiliti, iaitu indeks Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing turut meningkat sebanyak 0.7 peratus dan 2.7 peratus. Sebaliknya, sektor Perlombongan menurun 1.5 peratus selepas tiada perubahan pada bulan sebelumnya, dipengaruhi oleh penurunan indeks Pengekstrakan gas asli (-2.3%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (-1.2%). Sektor Pembuatan pula terus mencatatkan penurunan perlahan 0.2 peratus (Julai 2025: -0.1%), dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-0.7%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-0.4%).”

Mengulas lebih lanjut mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Ketua Perangkawan menjelaskan, “Semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Ogos 2025, meneruskan trend menurun sejak Mac 2025. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 0.8 peratus (Julai 2025: -5.8%), dipengaruhi oleh penurunan indeks Bahan bukan makanan (-1.1%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen mencatatkan penurunan 3.1 peratus (Julai 2025: -3.7%), disebabkan oleh penurunan dalam Bahan api yang diproses & pelincir (-8.6%). Indeks Barang siap juga menurun 3.4 peratus (Julai 2025: -2.4%), terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam Kelengkapan modal (-5.6%).”

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan peningkatan 1.6 peratus. Sementara itu, indeks Bahan perantaraan, bekalan dan komponen dan Barang siap masing-masing turun sebanyak 0.2 peratus dan 0.5 peratus.

Perbandingan antara negara terpilih menunjukkan pelbagai trend IHPR bagi Julai 2025. Di Amerika Syarikat (AS), IHP meningkat 2.6 peratus, peningkatan sederhana berbanding kenaikan 3.1 peratus pada bulan sebelumnya. IHPR Jepun pula meningkat 2.7 peratus, berbanding kenaikan 2.5 peratus pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, China kekal dalam keadaan deflasi pengeluar, dengan IHPR menurun 2.9 peratus, berbanding penurunan 3.9 peratus pada Julai 2025. Ini merupakan penurunan bulan ke-35 berturut-turut, disebabkan oleh kelemahan berterusan dalam permintaan domestik dan halangan perdagangan yang masih berlanjutan. IHPR Thailand juga menguncup 3.5 peratus, selepas penurunan 4.2 peratus pada bulan sebelumnya. Ini menandakan bulan keenam berturut-turut negatif inflasi pengeluar tahunan, trend yang sama seperti Malaysia.

Mengulas mengenai harga komoditi terpilih Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Menurut Bank Dunia, purata harga minyak mentah Brent pada Ogos 2025

adalah USD 68.20 setong, sedikit menurun berbanding USD 70.95 setong pada bulan sebelumnya. Harga minyak sepanjang bulan tersebut kekal stabil tetapi cenderung menurun, disebabkan oleh peningkatan bekalan dan permintaan yang sederhana. Sementara itu, harga purata minyak sawit mentah (MSM) Malaysia adalah RM 4,329.00 per tan pada Ogos 2025, meningkat daripada RM 4,112.50 per tan pada Julai 2025, disokong oleh permintaan kukuh, walaupun stok serta pengeluaran lebih tinggi. Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menjangkakan harga MSM kekal dalam julat RM 4,200 hingga RM 4,500 dalam tempoh terdekat.”


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)





Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 SEPTEMBER 2025**